

USIM disyor nama baru KUIM

NILAI 8 Dis. - Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini, akan dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekiranya cadangan itu diterima Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir bulan ini.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Tan Sri Dr. Yusof Noor berkata, pihaknya telah mencadangkan beberapa nama yang difikirkan sesuai dan USIM adalah antara yang disenarai pendek dan diberi perhatian khas.

"Pertukaran nama itu tidak menyebabkan perubahan taraf, ia untuk memudahkan perhubungan kita pada peringkat antarabangsa.

"Sebelum ini apabila disebut KUIM, ada yang menganggapnya sebagai sebuah universiti yang megadakan program berkembar. Dari segi taraf, KUIM merupakan sebuah universiti awam sejak ditubuhkan lagi," katanya, di sini hari ini.

Berpengalaman

Beliau ditemui selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIM 2005. Seramai 94 kakitangan universiti berkenaan termasuk dua ahli lembaga pengarahnya menerima anugerah KUIM.

Sementara itu, Yusof berkata, walaupun baru ditubuhkan, KUIM tidak boleh dianggap universiti yang masih bertatih kerana memiliki tenaga pengajar yang berpengalaman.

"Kekuatan sebuah universiti tidak boleh diukur dari segi umur penubuhan sebaliknya diukur dengan pengalaman yang dimiliki pensyarah.

"Kita tidak perlu menunggu sehingga 20 tahun untuk 'matang' sebagaimana kebiasaan di universiti lain," katanya.

Beliau juga memberitahu antara perkembangan terbaru KUIM ialah penubuhan Fakulti Pergigian yang akan mengambil seramai 30 pelajar pada pertengahan tahun depan.



**MOHD YUSOF
NOOR**